

## 12 Rabiulawal: Maulid Nabi & Penegakan Negara Islam Pertama

**K**ekejaman yang terus dilakukan oleh rejim Zionis Israel terhadap umat Islam di Gaza masih berlanjutan hingga kini. Namun demikian, semangat umat Islam dalam menyambut Maulidur Rasul tetap utuh dan tidak pernah pudar. Sambutan ini diteruskan dengan penuh kesungguhan sebagaimana tradisi yang telah diwarisi sejak sekian lama. Daripada rakyat hingga ke peringkat kepimpinan negara, perhatian terhadap sosok agung Nabi Muhammad SAW amat luar biasa. Sambutan ini bukan sekadar acara keagamaan, tetapi juga melambangkan kasih sayang serta kecintaan yang mendalam terhadap junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

Walaupun landskap politik dan ekonomi negara sering kali berhadapan dengan ketidaktentuan, sambutan Maulidur Rasul tetap menjadi keutamaan dalam takwim tahunan hampir semua institusi. Ia seolah-olah menjadi acara wajib yang tidak pernah diketepikan, tanpa mengira apa jua situasi atau krisis yang melanda masyarakat. Pelbagai persiapan tetap dijalankan dengan penuh semangat, merangkumi perarakan, ceramah, forum, hingga pertandingan berunsur keagamaan. Kesemuanya diatur bagi menzahirkan kecintaan serta penghormatan umat Islam terhadap Nabi Muhammad SAW.

Di sebalik kemeriahannya dan semangat sambutan Maulid Nabi SAW yang diraikan setiap tahun, jarang sekali diketengahkan satu peristiwa besar lain yang berlaku pada tarikh yang sama — iaitu penegakan negara Islam yang pertama pada 12 Rabiulawal tahun 1 Hijrah (bersamaan 27 September 622 Masihi). Peristiwa agung ini telah direkodkan oleh ramai ulama sirah, antaranya Shafiyurrahman al-Mubarakfuri (*Ar-Raheeq al-Makhtum*) dan Ahmad Ratib Armusy (*Qiyādat al-Rasūl*), yang menegaskan bahawa ketibaan Rasulullah SAW di Madinah bukan sekadar penghijrahan fizikal, tetapi titik permulaan kepada pembentukan sebuah negara Islam.

Negara Islam inilah yang menjadi teras kekuatan umat Islam. Di bawah kepimpinan Nabi Muhammad SAW, umat Islam bukan sahaja disatukan atas dasar aqidah dan ibadah, malah berjaya membina sistem pemerintahan, keadilan sosial, dan penyatuan umat. Dengan asas yang kukuh ini, umat Islam akhirnya bangkit sebagai kuasa besar dunia dan berjaya menewaskan dua empayar gergasi ketika itu, iaitu Rom dan Parsi. Kejayaan tersebut dicapai kerana negara yang dibina berlandaskan wahyu dan melaksanakan segala ketetapan Allah secara menyeluruh (*kaffah*).

Oleh itu, di sebalik kemeriahannya menyambut Maulid, umat Islam wajar merenung kembali peristiwa penegakan negara Islam yang pertama ini, yang telah membuka jalan kepada kebangkitan Islam yang gemilang serta digeruni selama lebih 1,300 tahun. Sebelum itu, sejarah tidak pernah menyaksikan seorang pemimpin yang mampu melahirkan

sebuah tamadun yang bertahan begitu lama dalam peradaban manusia.

Kepimpinan Rasulullah SAW bukan sahaja diiktiraf oleh umat Islam, malah turut mendapat pengiktirafan dari tokoh pemikir dan sejarawan Barat. Baginda bukan sekadar Rasul terakhir dalam Islam, bahkan merupakan antara pemimpin paling berpengaruh dalam sejarah dunia. Pengiktirafan ini turut disuarakan oleh tokoh Barat seperti Michael H. Hart, yang dalam bukunya *The 100: A Ranking of the Most Influential Persons in History* meletakkan Nabi Muhammad SAW di kedudukan pertama sebagai individu paling berpengaruh dalam sejarah manusia. Hart menegaskan bahawa baginda merupakan satu-satunya tokoh yang berjaya meraih kejayaan tertinggi dalam aspek keagamaan dan kepimpinan duniaawi secara serentak.

Mengapa Nabi Muhammad SAW Menjadi Tokoh Nombor Satu Paling Berpengaruh? Ini adalah kerana kejayaan baginda dalam menyatukan seluruh umat Islam di bawah satu kepimpinan yang kukuh berteraskan wahyu daripada Allah. Baginda bukan sahaja membina individu-individu yang berakhlik dan beriman, malah membina sebuah Negara Islam yang menjadi naungan dan asas kekuatan umat. Kejayaan ini tidak berakhir dengan kewafatan baginda. Negara Islam pertama didirikan oleh Rasulullah SAW diteruskan oleh para sahabat rapatnya, khususnya Khulafa' al-Rasyidin, yang mengekalkan sistem pemerintahan Islam walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran dan ancaman.

Apa yang dibina oleh Nabi Muhammad SAW bukan hanya sebuah masyarakat, tetapi sebuah negara yang memayungi umat Islam dan menjadi benteng kepada mereka. Negara Islam yang diwarisi oleh para khalifah ini akhirnya berkembang menjadi kuasa dunia selama lebih 1,300 tahun, meneraju pelbagai bidang ilmu seperti kesusastraan, perubatan, matematik, astronomi, pelayaran, falsafah dan kejuruteraan. Semua ini mampu dicapai kerana umat dan tamadunnya berpaksi kepada satu sistem yang menyeluruh — iaitu pelaksanaan syariat Islam secara *kaffah*.

Perkataan *kaffah* berasal dari bahasa Arab yang bermaksud “keseluruhan” atau “secara menyeluruh”. Maka, apabila dikatakan bahawa Nabi Muhammad SAW melaksanakan Islam secara *kaffah*, ia membawa maksud baginda mengamalkan dan menyebarkan ajaran Islam dalam semua aspek kehidupan, bukan hanya terbatas kepada aqidah dan ibadah semata-mata. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah kamu ke dalam Islam secara keseluruhan (*kaffah*)...”

[Surah Al-Baqarah, 2:208]

Ayat ini menyeru umat Islam agar menerima serta mengamalkan Islam dalam semua aspek kehidupan, sebagaimana yang telah ditunjukkan oleh Nabi Muhammad SAW.

Dalam Islam, penentu kepada pelaksanaan hukum adalah Allah SWT, bukannya manusia. Justeru, negara Islam yang diasaskan oleh Rasulullah SAW di Madinah merupakan sebuah negara yang melaksanakan hukum-hakam berasaskan wahyu, bukan berpandukan keputusan majoriti ataupun kehendak individu dan parti tertentu. Inilah antara asas utama yang menjadi teras kepada kehebatan sebenar risalah yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW.

Baginda bukan sahaja menyampaikan dakwah, tetapi turut membangunkan sebuah sistem pemerintahan yang berpandukan al-Quran — mukjizat agung yang diturunkan oleh Allah untuk diamalkan dan dilaksanakan dalam setiap aspek kehidupan. Al-Quran bukan sekadar untuk dibaca atau dihafaz, tetapi seluruh kandungannya dijadikan asas dalam membina perlumbaan dan menegakkan sebuah negara yang adil. Namun, apabila hukum Allah tidak lagi dijadikan landasan dalam sistem pemerintahan dan kehidupan bermasyarakat, umat Islam akan kehilangan kekuatan serta kedudukan yang pernah mereka miliki. Kehebatan umat Islam tidak terletak pada bilangan tentera atau kemajuan teknologi semata-mata, tetapi pada ketaatan mereka terhadap syariat Allah secara menyeluruh.

Oleh itu, ajaran Islam wajib dihayati secara keseluruhan (*kaffah*), bukan secara terpilih. Melaksanakan Islam secara separuh — mengambil apa yang dirasakan sesuai dan meninggalkan apa yang dianggap tidak relevan — merupakan satu bentuk penyelewengan yang telah ditegur oleh Allah SWT dalam al-Quran.

Firman-Nya yang bermaksud:

*“Apakah kamu beriman dengan sebahagian daripada al-Kitab dan kufur dengan sebahagian yang lain?”*

#### [Surah al-Baqarah, 2:85]

Alasan realiti semasa ataupun helah politik tidak boleh dijadikan sandaran untuk mengabaikan sebahagian daripada hukum Allah. Umat Islam mesti kembali kepada Islam yang sebenar — Islam yang *kaffah*, yang diturunkan oleh Allah SWT, dan yang telah ditunjukkan pelaksanaannya secara sempurna oleh Rasulullah SAW.

Terdapat dua syarat utama diperlukan untuk mengembalikan warisan sebenar peninggalan Nabi Muhammad SAW. Pertama, penyatuan seluruh umat Islam di bawah seorang pemimpin, iaitu Khalifah. Kedua, pelaksanaan seluruh ajaran Islam secara *kaffah*. Hanya dengan memenuhi dua syarat ini, barulah kita benar-benar dapat mengambil ibrah dalam memperingati kelahiran Nabi Muhammad SAW. Oleh itu, sambutan Maulid Rasul seharusnya tidak hanya terbatas kepada rasa syukur dalam mengingati kelahiran serta kehebatan akhlak dan ibadah baginda semata-mata.

Lebih daripada itu, ia perlu menimbulkan kesedaran bahawa umat Islam hari ini tidak memiliki sebuah negara yang mampu menyatukan mereka untuk melaksanakan syariat Islam secara keseluruhan, iaitu Islam *kaffah*, melalui penegakan Daulah Islam. Tanpa Daulah, risalah Islam tidak akan tersebar ke luar Madinah. Tanpa Khilafah, Islam tidak akan sampai sehingga menakluki tiga benua. Begitu juga pada masa kini; tanpa Khilafah, umat Islam tidak akan

mampu mempertahankan Gaza, apatah lagi membebaskan Palestin sepenuhnya.

Gaza adalah cerminan bahawa umat ini tidak lagi mempunyai “*junnah*” (perisai), sebagaimana sabda Nabi SAW:

*“Sesungguhnya Imam (Khalifah) itu adalah perisai; di belakangnya umat berperang dan dengannya mereka berlindung.”*

#### [Hadis riwayat Muslim]

Maka, ibrah yang seharusnya diambil dari sambutan Maulid bukanlah sekadar menzahirkan kecintaan kepada Nabi SAW melalui selawat, tetapi menuntut kepada kebangkitan semula kehidupan Islam yang diwariskan baginda — sebuah Daulah yang melindungi umat serta meninggikan kalimah Allah di muka bumi.

Justeru, sambutan Maulid Rasul tidak seharusnya dilihat hanya sebagai ungkapan rasa syukur atas kelahiran baginda atau sekadar mengagumi kehebatan akhlak serta ibadahnya semata-mata. Sebaliknya, sambutan ini perlu disertai dengan kesedaran mendalam mengenai keadaan umat Islam hari ini — bahawa kita telah kehilangan sebuah negara (*Daulah*) yang mampu menyatukan umat dan melaksanakan syariat Islam secara menyeluruh, iaitu Islam secara *kaffah*. Tanpa Daulah, risalah Islam tidak mungkin tersebar ke luar Madinah. Tanpa Khilafah, Islam tidak akan berkembang hingga menakluki tiga benua dan memimpin dunia selama berabad-abad. Begitu juga pada masa kini — tanpa Khilafah, umat Islam tidak berupaya mempertahankan Gaza, apatah lagi membebaskan sepenuhnya bumi Palestin yang dijajah. Gaza adalah cerminan nyata kelemahan umat tanpa perisai. Hadis di atas jelas menunjukkan bahawa Khilafah atau Daulah merupakan pelindung umat, bukan sekadar simbol kepimpinan.

### Kesimpulan

Ibrah Maulid Nabi SAW tidak seharusnya terhenti pada memperingati kelahiran baginda atau sekadar menzahirkan rasa cinta melalui selawat semata-mata. Sebaliknya, ia perlu menjadi titik tolak untuk menyemai kesedaran serta tanggungjawab setiap Muslim terhadap misi utama yang telah diwariskan oleh Rasulullah SAW — iaitu menghidupkan kembali kehidupan Islam secara menyeluruh.

Rasulullah SAW bukan sekadar seorang pendakwah atau pemimpin rohani, bahkan baginda juga merupakan pembina sebuah negara Islam yang berperanan menegakkan syariat, menjaga maruah umat, serta meninggikan kalimah Allah di seluruh penjuru dunia. Inilah misi agung baginda yang wajib diteruskan, bukan sekadar dikenang. Selawat ke atas Nabi SAW memang lambang kecintaan, namun bukti cinta yang hakiki adalah dengan mengikuti perjuangan baginda, iaitu menegakkan agama Allah secara menyeluruh — melalui penegakan semula sistem Khilafah, yang menjadi perisai umat serta pelindung kepada syariat.

Tanpa sistem ini, umat Islam akan terus berpecah, tertindas, dan lemah di pentas dunia. Oleh itu, sambutan Maulid seharusnya membangkitkan semangat untuk mengembalikan semula kekuatan umat melalui sistem pemerintahan Islam yang sah, sebagaimana yang telah dibangunkan oleh Rasulullah SAW dan diteruskan oleh para Khulafa’ selepas baginda.